

PERHIMPUNAN
AGUNG UMNO



1990

Jika mereka menyalahi undang2 Amaran Perdana Menteri kepada pemimpin2 PBS

UM - 10 DEC 1990

KUALA LUMPUR 30 Nov. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada para pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS) bahawa Kerajaan Persekutuan tidak akan teragak-agak bertindak jika mereka menyalahi undang-undang walaupun tindakannya akan dituduh sebagai menindas.

"Yang salah mesti dianggap salah, walau apapun kesan politik daripadanya," tegas Perdana Menteri.

Katanya, kerajaan PBS di Sabah kini telah mengambil taktik menghasut rakyat negeri itu membenci Kerajaan Persekutuan untuk mengalihkan pandangan mereka dari penyelewengan yang dilakukan oleh kalangan pemimpin parti itu.

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung UMNO hari ini, beliau memberitahu, kini sebuah lagi institusi telah ditubuhkan di Sabah untuk 'membasuh otak' rakyat Sabah supaya membenci Kerajaan Persekutuan.

Katanya, penafian yang dibuat oleh Ketua Menteri, Datuk Joseph Pairin Kitingan bahawa itu bukan tujuannya hanyalah alasan kerana dalam ucapannya di perhimpunan PBS baru-baru ini beliau membuat tuduhan yang bukan-bukan terhadap Kerajaan Persekutuan.

"Demikianlah berjayanya taktik mereka ini sehingga pemimpin-pemimpin PBS yang menyalahi undang-undang dianggap sebagai "hero" oleh rakyat Sabah apabila tindakan diambil oleh Kerajaan Persekutuan terhadap mereka.

"Dengan ini pemimpin-pemimpin kerajaan PBS berharap mereka akan bebas untuk menyalahgunakan kuasa tanpa sebarang sekatan," katanya.

Perdana Menteri memberi jaminan walaupun Sabah diperintah oleh PBS, Kerajaan Persekutuan tidak berniat menganiayakan rakyat Sabah.

Katanya, semua kaum di Sabah akan diberi layanan yang sama walaupun salu-

rannya akan ditukar.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, dasar Kerajaan Persekutuan terhadap Sabah adalah jelas.

"Kita ingin tentukan kekayaan Sabah tidak dibolot oleh orang-orang tertentu melalui penyalahgunaan kuasa. Kita tidak memihak kepada sesiapa. Kita tidak akan mengutamakan mana-mana suku kaum atau mana-mana penganut agama," katanya.

Beliau menambah, semua rakyat Malaysia di Sabah adalah sama dan mereka juga adalah sama dengan rakyat Malaysia di negeri-negeri lain.

Perdana Menteri berkata, jika Sabah sekarang kekurangan hasil, sebabnya ialah kerajaan PBS terlalu banyak mengeluarkan balak tanpa membiayai pembangunan untuk rakyat.

Katanya, sepatutnya dengan hasil pengeluaran balak yang begitu banyak, pembangunan Sabah sama dengan Sarawak tetapi jelas sekali Sabah ketinggalan.